

Jangan main **api**: PM

ABH 1 - 11/10/2022

Oleh RASHID RAHAMAN, AZMI MD
DEROS dan SHAMSHUL AZREE
SAMSHIR

TANJUNG MALIM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan dengan kedudukan sekolah Cina.

Beliau mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang akan mengambil tindakan kiranya isu yang dibangkitkan itu boleh menimbulkan huru hara di negara ini.

Beliau turut mengingatkan akhbar supaya ti-

- **MCA tidak mahu isu bahasa dipolitik**
 - **Sekolah Tamil tetapkan 12 syarat**
 - Muka 5
-

dak diperalatkan kumpulan terhabib.

"Ini bukan soal kaum. Orang ini bukan saja tidak mahu bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik, malah mereka tidak mahu hudak Melayu dan Cina bercampur, dekat pun tak boleh.

"Sebab itu mereka menentang Sekolah Wawasan. Mereka bermain dengan api. Kita tahu undang-undang negara kita tidak membenarkan kerajaan menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan, tetapi mereka cuba menakut-nakutkan orang Cina.

"Ini adalah sesuatu yang bahaya. Saya nasihatkan mereka jangan mainkan isu seperti itu, kerajaan akan bertindak. Jangan fikir, mereka begitu penting sehingga orang tidak berani bertindak," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, semalam.

Sebelum itu, Dr Mahathir turut mengadakan dialog dengan pelajar yang dihadiri ribuan pelajar universiti itu di Auditorium, Dewan Kuliah Pusat UPSI.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas bantahan 38 persatuan Cina di seluruh negara terhadap hasrat kerajaan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di SRJK kerana kononnya

Isu perkauman jejas keamanan negara

DARI MUKA 1

boleh menjejaskan kedudukan sekolah Cina.

Mereka juga membuat andaian kononnya dasar itu adalah usaha awal kerajaan yang boleh menjejaskan kedudukan sekolah Cina.

Antara persatuan Cina terabit ialah Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong).

Dr Mahathir menakui golongan itu hanya membabitkan kelompok kecil, tetapi mereka memperalatkan akhbar untuk membakar perasaan orang lain.

Beliau berkata, di Malaysia, jika seseorang membangkitkan isu perkauman sehingga mencetuskan huru hara, kerajaan akan mengambil tindakan sebelum kejadian itu berlaku.

“Saya memberi peringatan ke-

pada mereka terutama kumpulan ekstrimis ini,” katanya.

Beliau berkata, negara ini mempunyai undang-undang dan golongan terbabit termasuk akhbar jangan membangkitkan isu perkauman.

“Benda tak benar (tukar SPJK kepada sekolah kebangsaan), kalau benar tak apa juga. Ini tak benar sama sekali. Kita tak ada niat nak tukar sekolah Cina kepada sekolah Melayu kerana undang-undang tidak membenarkan kerajaan berbuat demikian,” katanya.

Dr Mahathir turut mempersoalkan tindakan golongan itu yang sebelum ini meminta kerajaan meminda undang-undang dengan tidak membenarkan SRJK ditukar kepada sekolah kebangsaan.

“Apabila kerajaan pinda undang-undang ini, mereka masih bangkitkan isu yang kerajaan hendak tukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan,” katanya.

Beliau berkata, kini terpulang kepada pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang untuk bertindak terhadap golongan itu dan akhbar.

“Kalau pihak berkuasa terbabit mendapati isu perkauman yang dibangkitkan sudah sampai ‘ke tahap bahaya, mereka akan ambil tindakan terhadap golongan itu,’” katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan tetap melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah termasuk di sekolah jenis kebangsaan (SRJK) bermula tahun depan seperti diramang.

“Kita akan buat (laksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris) sebab sudah ada jadual. Kita akan ikut jadual, kita tidak mahu ibu bapa dan guru yang sudah membuat persiapan menghadapi masalah,” katanya.

Mengenai dakwaan MCA ti-

dak bersungguh-sungguh menerima baik penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di semua sekolah termasuk SRJK, Dr Mahathir berkata, beliau akan menyelesaikankannya dengan parti itu.

“Itu kita selesaikan dengan MCA, tak payah kita selesaikan melalui akhbar,” katanya.

Sementara itu di Ipoh, ketika berucap selepas majlis makan tengah hari bersama pemimpin Barisan Nasional (BN) Perak, Dr Mahathir berkata, keperluan menguasai bahasa Inggeris turut dilihat oleh negara asing dan bukan hanya Malaysia.

“Bahasa Inggeris sudah menjadi bahasa ilmu antarabangsa kerana di Jepun pun banyak universiti yang mengajar dalam bahasa Inggeris.

“Malah, sekarang ratusan ribu rakyat China disuruh belajar bahasa Inggeris oleh kerajaan China.

“Ada anggota Kedutaan China yang berkata bahawa tuntutan

supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Mandarin tidak realistik kerana kami (di China) pun nak guna bahasa Inggeris... Ini daripada negara China.

“dleh itu kenapa ada tentangan terhadap rancangan ikhlas kerajaan untuk menambah ilmu pengetahuan di kalangan rakyat kita?” kata beliau.

Beliau juga memberi jaminan hanya dengan belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, generasi akan datang tidak akan menjadi ‘Orang Putih’.

“You will not become an English Man’ (Anda tidak akan menjadi Orang Putih,” katanya sambil mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Katanya, jika tuntutan puak ekstremis Cina itu dilayan kerajaan, orang Melayu dan India juga akan membuat permintaan sekali gus menyukarkan kerjasama yang terjalin baik selama ini.